

# 'Duit dibayar SRC tidak dilaburkan'

Dana dipindah kepada pihak ketiga selepas terima arahan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Saksi pakar perakaunan, siasatan forensik dan kewangan serta pemulihan aset rentas sempadan, semalam memberi keterangan dalam kes saman sivil SRC International Sdn Bhd (SRC) terhadap Datuk Seri Najib Razak.

Dalam prosiding di Mahkamah Tinggi, di sini, Pengarah Urusan Quantuma International yang juga warga Britain, Angela Barkhouse memberikan keterangan melalui aplikasi Zoom dari Cayman Islands.

Barkhouse pernah mengetuai kes berprofil tinggi dan kompleks membatik penipuan, rasuah, salah laku kewangan, konflik kepentingan, penyelewengan dan kekayaan negara yang dicuri, dengan objektif mendapatkan semula daripada pelanggan dan mangsa sama.

Dalam keterangan, Barkhouse berkata, tiada satu pun bayaran berjumlah AS\$864.4 juta dibayar oleh SRC kepada tiga syarikat pelaburan, Cistenique Investment Fund, Enterprise Emerging Market Fund dan Pacific Rim Global Growth diguna untuk membuat pelaburan dalam sektor sumber dan tenaga.

Menurut saksi kedua SRC itu, syarikat pelaburan berkenaan sebenarnya digunakan untuk mengaburkan pergerakan dana yang diselewengkan daripada SRC.

"Mereka (syarikat terbabit) dikatakan memegang portfolio pelaburan yang sah dan menjadi dana pelaburan bebas. Tujuan sebenar mereka untuk beroperasi sebagai saluran yang direka untuk



Najib hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

membolehkan wang disalurkan kepada pihak ketiga, sambil memberi gambaran yang munasabah tetapi sebenarnya palsu.

"Mereka tidak menggunakan wang yang diterima daripada SRC BVI (anak syarikat SRC) untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang sah, sebaliknya memindahkan dana kepada pihak ketiga sejarus selepas menerima arahan," katanya.

## Dana pinjaman

Barkhouse berkata, antara 16 November 2011 dan 2 April 2014, SRC memindahkan sekitar AS\$1.18 bilion ke akaun SRC BVI bagi tujuan pelaburan, di mana dana itu berasal dari pinjaman dibuat SRC berjumlah RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Pada 17 Februari 2012, resolusi SRC menetapkan bahawa pada 26 Ogos 2011, perjanjian kemudahan RM2 bilion dimeterai KWAP dan SRC International (Pinjaman Pertama) dan RM1.8 bilion ditukar kepada mata wang dolar Amerika Syarikat (AS) dan dibayar kepada SRC BVI.

Katanya, resolusi itu meluluskan lagi kemudahan kedua sebanyak RM2 bilion (Pinjaman Kedua) yang mana RM1.8 bilion akan ditukar kepada mata wang dolar dan dibayar kepada SRC BVI.

"Berdasarkan pemaha-

man saya melalui dokumen dalam rekod, saya mengambil maklum bahawa untuk SRC membuat pinjaman mata wang asing kepada bukan pemastautin (Malaysia), Bank Negara Malaysia (BNM) dikehendaki memberikan SRC keizinan itu dan bersetuju dengan tujuannya.

"Keizinan itu membenarkan SRC membuat pinjaman mata wang asing yang diperlukan kepada SRC BVI (dalam mata wang dolar AS). Pada 3 November 2011, BNM menetapkan syarat mengenai penggunaan pinjaman pertama KWAP (Kebeneran BNM Pertama).

"Ini menyatakan bahawa RM1.8 bilion hanya boleh digunakan untuk diperolehi oleh PT ABM Investama dan Bumi Resources Tbk PT di Indonesia dan Gobi Coal and Energy Limited dan Erdens-Tavan Tolgoi di Mongolia," katanya.

Beliau menjelaskan, pada 6 April 2012, (Kebeneran BNM Kedua) menyatakan bahawa pinjaman kedua KWAP perlu digunakan untuk pelaburan dalam industri tenaga dan sumber asli, tidak termasuk minyak dan gas.

Barkhouse berkata, sebahagian dana dilaburkan dalam PT ABM Investama dan Gobi Coal and Energy Limited, tetapi majoriti pinjaman KWAP tidak digunakan untuk diperolehi empat entiti yang disenaraikan dalam Kebeneran Pertama BNM.